



Yayasan Waqaf Malaysia (PPAB-02/2008)

## **YAYASAN WAQAF MALAYSIA**

### **IKLAN JAWATAN KOSONG**

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia yang berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan dan berkelayakan bagi mengisi jawatan kosong di Yayasan Waqaf Malaysia (YWM).

1. Jawatan : **EKSEKUTIF (GRED E41)**
2. Penempatan : Bahagian Pemasaran dan Korporat
3. Bilangan kekosongan : Satu
4. Taraf Jawatan : Kontrak
5. Gaji Ditawarkan :
  - Gaji Pokok : RM2,662.00
  - Elaun Tetap Perumahan: RM300.00
  - Elaun Sara Hidup : RM300.00
  - Elaun ITKA : RM300.00
6. Syarat Lantikan :
  - Ijazah Sarjana Muda Kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
  - lulus Bahasa Malaysia (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan
  - memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian dalam bidang berkaitan.

7. Diskripsi tugas : • Menyedia setiap kertas kerja berkaitan program-program pembudayaan dan kesedaran wakaf untuk dibawa kepada Jawatankuasa Kerja yang berkaitan dan / atau Lembaga Pemegang Amanah
- Menyelaras dan melaksana program pembudayaan wakaf secara holistik merangkumi program berbentuk seminar / webinar (peringkat daerah, negeri, kebangsaan dan antarabangsa, program turun padang, program agihan dan lain-lain)
  - Menyelaras dan melaksana sebarang program YWM seperti Majlis Pelancaran Produk Baharu, Majlis Kerjasama dan lain-lain
  - Menyelaras, melaksana dan mendokumentasi sebarang penerbitan YWM termasuklah Laporan Tahunan, Laporan Agihan Dana, buletin, brosur, media kit dan lain-lain
  - Menyelaras dan mendokumentasi bahan maklumat bagi program dan majlis rasmi YWM melalui penerbitan bahan cetakan seperti banner, bunting, backdrop, buku program dan lain-lain
  - Menyelaras persiapan program taklimat, logistik dan aturan lawatan bagi tetamu YWM dari dalam negara dan luar negara bersama bahagian yang terlibat
  - Menyelaras urusan penyampaian perkhidmatan dan perhubungan pelanggan YWM
  - Mendapatkan sumbangan wakaf dan CSR daripada pihak korporat / swasta
  - Menyelaras program promosi bersama rakan strategik sedia ada YWM
  - Mengemaskini dan menyedia laporan aktiviti bahagian secara bulanan
  - Melaksanakan tugas-tugas lain yang diarahkan dari semasa ke semasa.

## **CARA MEMOHON**

- a) Permohonan hendaklah dibuat dengan menghantar resume yang lengkap dengan gambar dan salinan dokumen-dokumen yang disahkan oleh Pegawai yang berkelayakan. Sila nyatakan jawatan dan penempatan yang dipohon di sudut atas sebelah kiri sampul surat.
- b) Permohonan hendaklah disampaikan kepada:  
**Bahagian Pengurusan  
Yayasan Waqaf Malaysia  
Aras 8, Blok D  
Kompleks Islam Putrajaya  
Jalan Tun Abdul Razak, Presint 3  
62100 Putrajaya.**
- c) Tarikh tutup iklan ialah pada **23 Disember 2024 (Isnin)**.

## **CATATAN AM**

- a) Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil temuduga.
- b) Pemohon yang tidak menerima jawapan selepas tempoh 6 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
- c) Hanya calon-calon yang berjaya dalam urusan temuduga akan dimaklumkan.

## **PENAFIAN**

Iklan jawatan kosong ini semata-mata untuk tujuan pelawaan sahaja dan tidak membentuk sebarang komitmen yang mengikat dengan mana-mana pihak. YWM tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kekeliruan mengenai maksud iklan jawatan kosong ini. Keputusan pengambilan pekerjaan adalah sepenuhnya bergantung kepada Pengurusan YWM.